

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

**EUP 212 - JURUTERA DALAM MASYARAKAT**

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dan **ENAM (6) muka surat bercetak dan SEPULUH (10) soalan** sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja.

**Bahagian A (Undang-Undang & Perlembagaan):**  
Jawab tiga soalan dari empat soalan yang diberikan.

**Bahagian B (Pengurusan):**  
Jawab satu soalan dari dua soalan yang diberikan.

**Bahagian C (Pembuatan & Perkilangan):**  
Jawab satu soalan dari dua soalan yang diberikan.

**Bahagian D (Etika /Profesionalisme & Pengurusan Personel):**  
Jawab satu soalan dari dua soalan yang diberikan.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukan bagi soalan berkenaan.

Jawab kesemua soalan dalam Bahasa Malaysia.

.../2

**Bahagian A: (Undang-Undang & Perlembagaan):**

1. Bincangkan mengenai kepentingan sesuatu tujuan didalam sesuatu kontrak.  
(100 markah)
2. Jelaskan sama ada kontrak wujud atau tidak dan berikan sebab-sebab anda berkata demikian bagi tiap kes dibawah:
  - (a) Azman dan Badrul membuat satu perjanjian dengan Azman akan membayar RM100 kepada Badrul sebagai hadiah dan akan dibuat satu bulan selepas perjanjian tersebut. Sekarang Azman enggan membayar apa-apa pada Badrul.
    - (i) Adakah Badrul berhak untuk mengambil tindakan terhadap Azman?
    - (ii) Adakah jawapan anda akan berbeza dengan (i) sekiranya perjanjian tersebut dibuat dengan bercop mohor?
  - (b) Azura berkata kepada Siti, "Pada harga berapakah anda sanggup menjual rumah anda?". Siti menjawab, "Seratus lima puluh ribu ringgit." Adakah wujud kontrak diantara kedua-dua pihak tersebut?
  - (c) Azmi, Chong dan Maniam telah bersetuju untuk menubuhkan satu sendikit bagi tujuan pertaruhan dalam pertandingan bolasepak setiap minggu. Azmi dan Chong yang tidak tahu langsung tentang bolasepak telah setuju memberi sejumlah wang kepada Maniam setiap minggu dan beliau akan menguruskan segala urusan-urusan lain dengan menggunakan namanya. Lima minggu selepas itu, Maniam telah menghantar satu pertaruhan dan menang sejumlah RM150,000 tapi enggan berkongsi wang tersebut dengan Azmi dan Chong. Nasihatkan Azmi dan Chong.
  - (d) Encik Kam sedang membeli disebuah kedai layan diri dan beliau telah tertarik pada sebatang pen yang berharga RM250 dan meminta jurujual tersebut menyediakan resit bagi pen tersebut. Apabila menghampiri kaunter pembayaran beliau mendapati kad kredit beliau tidak boleh digunakan dan beliau tidak mempunyai tunai yang mencukupi untuk membayar pen tersebut. Beliau terpaksa membatalkan pembelian tersebut. Jurujual menahan Encik Kam dari membuat demikian dengan mengatakan bahawa urusan jualbeli telah selesai dan Encik Kam mesti membayar barang tersebut. Nasihatkan Encik Kam.

(100 markah)

.../3

3. (a) Apakah kesimpulan yang anda perolehi setelah meneliti kes Donoghue lawan Stevenson?  
(b) Terangkan maksud "Contributory Negligence".

(100 markah)

4. Seksyen 8 Akta Perkongsian 1961 mengatakan bahawa didalam perniagaan perkongsian, setiap rakan kongsi adalah bertanggung dalam setiap tindakan rakan kongsi yang lain walaupun bagaimanapun terdapat beberapa pengecualian dalam kes ini. Bincangkan dengan memberi contoh.

(100 markah)

**Bahagian B (Pengurusan):**

5. (a) **Anda sebagai pengarah urusan syarikat kejuruteraan dikehendaki memilih seorang pengurus untuk mengendali loji yang baru di Bintulu, Sarawak. Pengurus ini akan berurusan dengan pekerja yang berbagai disiplin dan warganegara. Sila berikan ciri-ciri seorang pengurus yang berkesan bagi pemilihan anda.**
- (b) **Terangkan kefahaman anda tentang idea dan prinsip TQM.**
- (c) **Apakah pengajaran pratikal dari ciri dan sifat kepimpinan yang boleh membantu seorang pengurus meningkatkan motivasi kakitangannya?**

(100 markah)

6. (a) **Berikan beberapa implikasi yang mungkin timbul dari Teori X dan Y dalam melaksanakan fungsi pengurusan projek kejuruteraan.**
- (b) **Terangkan perbezaan antara motivasi dan dorongan. Sila berikan contoh amalannya dalam pengurusan personel.**
- (c) **Jelaskan dengan contoh hubungan kitar kemajuan berterusan dengan prinsip TQM.**

(100 markah)

**Bahagian C: (Pembuatan dan Perkilangan):**

7. (a) Berikan takrifan *Pembuatan*. Bagaimanakah industri pembuatan penting kepada ekonomi negara? (20 markah)
- (b) Bincangkan TIGA bidang utama pengurusan pembuatan. Apakah bentuk kerumitan yang perlu ditangani oleh pengurusan pembuatan? (40 markah)
- (c) **SAMA ADA**
- “Sesuatu firma pembuatan tidak berfungsi secara bersendirian dalam pasaran.” Bincangkan kenyataan ini berdasarkan interaksi serta suasana kebersaingan yang wujud. (40 markah)

**ATAU**

Terangkan EMPAT daripada jenis-jenis proses yang boleh dipilih, serta implikasi pilihan terhadap pengurusan pembuatan. (40 markah)

8. (a) Huraikan kepentingan industri pembuatan kepada ekonomi negara. (20 markah)
- (b) Apakah masalah-masalah yang lazim dihadapi dalam usaha perindustrian oleh negara membangun? (20 markah)
- (c) Berikan huraian tentang takrifan serta peranan industri kecil dan sederhana (IKS) dalam pembangunan perindustrian Malaysia. (20 markah)
- (d) Bincangkan perubahan serta penyesuaian yang perlu dilalui untuk meningkatkan prestasi industri kecil dan sederhana (IKS). (40 markah)

.../6

**Bahagian D: (Etika/Profesionalisme & Pengurusan Personel):**

9. Anda telah dilantik sebagai Jurutera Perunding oleh sebuah syarikat. Majikan anda berpendapat ianya mempunyai pengalaman praktik yang lebih, oleh itu dalam beberapa perkara penting majikan anda telah mengabaikan nasihat anda. Apakah langkah yang akan anda ambil? Pilih satu daripada tiga tindakan di bawah dan nyatakan sebab anda memilih tindakan tersebut.
- (a) Apabila majikan anda menolak nasihat anda, anda mengambil keputusan untuk memaklumkan majikan anda menerusi surat bahawa anda telah menjalankan tugas anda dengan baik. Anda tidak akan bertanggungjawab ke atas keputusannya dan kesan yang mungkin berlaku. Anda kemudiannya melakukan apa yang dikehendaki oleh majikan anda. X
- (b) Anda cuba sedaya upaya menyakinkan majikan anda bahawa khidmat nasihat profesional anda adalah terbaik dan sekiranya majikan anda tidak mengikutinya anda mengambil keputusan untuk tidak terus berkhidmat dengan majikan anda tersebut.
- (c) Menyedari sikap majikan anda itu, anda bersetuju dengan kehendaknya. Walau bagaimana pun anda telah meminda rekabentuk anda dengan menambah Faktor Keselamatan (factor of safety) semasa memberi nasihat kepadanya. X

(100 markah)

10. Di dalam suasana negara mengecapi kemajuan pembangunan dan kepesatan ekonomi kenapa jurutera sebagai ahli profesional masih memerlukan kod etika. Nyatakan pendapat anda.

Di dalam kes di bawah nyatakan pendapat anda.

Abu berkhidmat sebagai Jurutera di sebuah loji Syarikat Bersih Jaya. Abu sedar sisa yang dikeluarkan dan disalurkan ke sungai melebihi kadar yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Syarikat Bersih Jaya kebelakangan ini mengalami kemelesetan, sekiranya syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Alam Sekitar ditepati kemungkinan besar syarikat akan ditutup. Tuan punya syarikat memaklumkan bahawa segala syarat Jabatan Alam Sekitar telah diikuti.

- (a) Adakah Abu sebagai Jurutera perlu melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar keadaan sebenar?

(100 markah)

oooOOOooo